

## TURKI DAN ALAM MELAYU: TINJAUAN TERHADAP SEJARAH HUBUNGAN KEDUANYA

Nabir Hj. Abdullah

Penulisan tentang sejarah perhubungan di antara Turki dengan Alam Melayu tersangat kurang. Begitu juga dengan bidang pendidikan tentang perhubungan itu sama ada di Turki ataupun di rantau ini. Kekurangan ini disuarakan dari masa ke semasa misalnya di dalam sebuah rencana bertajuk "Malaysia dan Turki tidak saling mengenali, di mana salahnya", tulisan Mazrus Ibrahim dalam *Utusan Melayu* 25 April, 1986. Pandangan yang sama dapat juga dilihat dalam tulisan Dr. I. Metin Kunt dari Universiti Bogazici, Istanbul, Turki yang berjudul *The Ottoman Empire in Asian History in the Sixteenth Century*.<sup>1</sup> Kekurangan penulisan dan pendidikan ini sangat terasa apabila hakikatnya perhubungan antara kedua kawasan pada masa lalu adalah rapat. Menyedari keadaan inilah maka tulisan ini dibentuk supaya menjadi pencungkil kepada lintasan sejarah perhubungan itu dan menjadi pembuka kepada usaha yang lebih giat kepada menghidupkan kembali kesedaran tentang kepentingan antara keduanya.

Sebenarnya usaha demikian telahpun dilakukan oleh seorang pengkaji Barat, iaitu Anthony Reid. Beliau telahpun menerbitkan beberapa artikel yang menggambarkan perhubungan itu.<sup>2</sup> Malang-

<sup>1</sup> Kertaskerja yang dibentangkan dalam (Proceedings) The Eighth Conference, International Association of Historians of Asia, Kuala Lumpur, 25th - 29th August 1980.

<sup>2</sup> "Sixteenth Century Turkish Influence in Western Indonesia", *Journal of Southeast Asian History*, vol. 10, part 3, 1969, h. 395-414; "Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia and Malaysia", *Journal of Asian Studies*, vol. 26, no. 2, 1967, h. 267-283; "Indonesian Diplomacy. A Documentary Study of Atjehnese Foreign Policy in the Reign of Sultan Mahmud, 1870-4", *Journal of Royal Asiatic Society, Malaysian Branch (JMBRAS)*, vol. XLII, no. 2, Dec 1969, h. 74-114. Selain dari artikel-artikel itu tulisan beliau yang sehubungan adalah seperti "Trade and State Power in the 16th and 17th Century Southeast Asia" Proceedings 7th International Association of Historian of Asia, Bangkok, 1979, h. 391-419; *The Contest for North Sumatra: Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898*, Kuala Lumpur, 1969; dan "Habib Abdurrahman Alzahir (1833-1896)" *Modern Indonesia Project*, no. 13, April 1972.

nya artikel-artikel tersebut hanya tersiar di dalam majalah-majalah akademik berbahasa Inggeris yang terhad pengedarannya di kalangan umum. Oleh itu ada baiknya kandungan artikel-artikel Anthony Reid itu disebut di sini dengan tambahan-tambahan yang dapat menunjukkan betapa rapatnya hubungan Turki dengan Alam Melayu.

Secara umum dapat dirumuskan kepentingan hubungan itu kepada beberapa aspek. Antaranya ialah aspek ekonomi, keagamaan, ketenteraan, penulisan dan politik. Aspek-aspek ini tidaklah wujud kesemuanya dalam satu masa tetapi satu dua darinya sangat menonjol pada sesuatu tempoh dalam hubungan yang wujud berabad-abad lamanya itu. Hubungan yang terjalin lama dan bermakna telah mencetuskan keinginan menghubungkan asal usul kuasa kerajaan Melayu pengaruh Islam dengan keagungan yang terpancar dari Turki. Keadaan ini terdapat dalam kebanyakan salsilah Melayu dan Sumatra. Misalnya salsilah Johor yang dipetik oleh Marsden,<sup>3</sup> menyebutkan bahawa Iskandar Dzulkarnain mempunyai tiga orang anak hasil perkongsian hidupnya dengan puteri 'Raja-Laut'. Selepas satu pertandingan di Selat Melaka, anak yang sulong pergi ke Barat dan menjadi *Raja Rum*, anak yang kedua pergi ke Timur menjadi *Raja China*. Manakala anak yang ketiga menetap di Johor dan kemudiannya menjadi pengasas kepada dinasti Minangkabau. Malah pada masa Marsden di Sumatra (1771-1779) Sultan Minangkabau mengumpamakan dirinya sebagai saudara muda kepada raja Rum dan raja China.<sup>4</sup> Mitos asal usul yang begini terdapat juga dalam salsilah Kedah, *Hikayat Merong Mahawangsa*, dalam cerita dahulu kala orang-orang Gayo yang kini mendiami bahagian pendalam Aceh, dan dalam beberapa hikayat yang lain juga.<sup>5</sup> Manakala di dalam *Hikayat Hang Tuah* pula dipaparkan sekurang-kurangnya terdapat perhubungan yang baik di antara Melaka dan Rum (Turki).<sup>6</sup>

Kebenaran cerita-cerita yang terdapat dalam salsilah-salsilah dan cerita-cerita lisan itu pastilah dipenuhi dengan kesangsian.<sup>7</sup> Tujuan kesemua itu adalah untuk menunjukkan bahawa keagungan raja-raja Melayu setara dengan raja-raja besar dunia berdasarkan kononnya kepada adanya hubungan darah antara mereka.

<sup>3</sup> Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", h. 395.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Lihat perbincangan tentang ini dalam tulisan T. Iskandar, "Some Sources Used by the Author of *Hikayat Hang Tuah*", *JMBRAS*, vol. 43, pt. 1, 1970, h. 44-45.

<sup>7</sup> Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", h. 395.

Perhubungan Turki dengan alam Melayu terutamanya bagi abad ke-16 adalah bertujuan menunjukkan konsepsi kecemerlangan universal bagi empayar Ottoman yang sebenar, iaitu, dengan mencuba rancangan-rancangan yang mempunyai implikasi kepada keseluruhan dunia. Tempoh itu juga penting kerana ia merupakan tarikh permulaan kemaraan kuasa-kuasa Eropah ke rantau Asia. Dalam proses kemaraan itu Turki merupakan benteng utama yang perlu dibanteras, manakala Turki berusaha menghalangnya dengan kekuatan senjata dan semangat keagamaan.<sup>8</sup> Sebaliknya, kepentingan Aceh terhadap pertahanan Turki juga memang tidak dapat dinafikan. Jorge de Lemos yang pernah menjadi Setiausaha Pentadbiran Portugis di Goa (India) dan pengarang buku *Cercos de Malacca* yang diterbitkan di Lisbon pada tahun 1585 pernah memberi pandangan yang menggambarkan kepentingan Aceh kepada keselamatan Turki. Beliau mengatakan bahawa, kejatuhan Aceh akan membawa kepada kejatuhan Turki juga.<sup>9</sup> Pandangan Jorge de Lemos bergema juga dalam catatan John Hughen van Linschoten, yang pernah menjadi setiausaha kepada ketua padri di Goa (1584–88), di dalam bukunya *Discourse of Voyages into the East and West Indies* yang berbunyi;

It was long since concluded and determined by the King of Portugal and his Viceroy, that the isle of Sumatra should be captured...<sup>10</sup>

Pandangan yang disuarakan oleh mereka yang rapat dengan kegiatan agama Kristian menunjukkan betapa faktor agama merupakan pendorong utama Portugis bertindak melumpuhkan Turki, Aceh, kerajaan-kerajaan Islam lainnya dan kegiatan perdagangan yang dikuasai oleh orang-orang Islam.<sup>11</sup>

<sup>8</sup>I. Metin Kunt, "The Ottoman Empire in Asian History in the Sixteenth Century", h. 3–4; dan Bryan S. Turner, *Capitalism and Class in the Middle East: Theories and Social Change and Economic Development*. London: Heinemann Educational Books, 1984, h. 70–72, 82–83.

<sup>9</sup>C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions to the Revival of the Red Sea Spice Trade and the Rise of Atjeh, 1540–1600", *Journal of Southeast Asian History*, vol. 10, pt. 3, 1969, h. 423.

<sup>10</sup>London, 1598, h. 32–33; dan lihat C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions" h. 423–4.

<sup>11</sup>S. Arasaratnam, "Introduction" (to papers of 3rd. International Association of Historians of Asia, Kuala Lumpur, August 1968), *Journal of Southeast Asian History*, vol. 10, no. 3, 1969, h. 391–394.

Turki pernah dikenali dengan panggilan seperti Istanbul atau Stambul, Constantinople atau Sublime Porte dan popular juga sebagai empayar Ottoman.<sup>12</sup> Empayar ini ditubuhkan pada abad ke-13, tempoh yang bertepatan dengan kebangkitan dan penyebaran agama Islam keluar dari semenanjung Arab.<sup>13</sup> Dari tarikh ini Turki yang menerima Islam meluaskan kawasan dan pengaruhnya ke timur dan barat.

Sebelum Turki menjadi sebuah empayar yang besar, kegiatan perdagangan Asia Barat dengan alam Melayu khususnya telah lama wujud. Empayar ini mula terlibat dalam kepentingan jalan dagang antara kedua kawasan ialah apabila ia menang dalam peperangan dengan empayar Memeluk (Mamluk) yang menguasai kebanyakan kawasan Arab. Kemampuan Turki bertindak ke atas Mamluk adalah kerana perkembangan yang positif yang berlaku di Turki sendiri. Dengan terlantiknya Sultan Selim, Turki, pada tahun 1511 dan Sultan Grim kemudiannya, menjadi empayar Ottoman lebih berkuasa dari empayar Mamluk.<sup>14</sup> Pada tahun 1516 berlaku peperangan *Marj Dabik* yang merupakan punca keruntuhan empayar Mamluk dan juga kekalahan Syria (1516) dan Kaherah (1571) di tangan Turki. Sebagai pengganti kuasa kekuasaan Mamluk, empayar Ottoman sedar bahawa kemakmuran kawasan-kawasan yang ditaklukinya itu akan dapat menghidupkan semula aktiviti-aktiviti perdagangan dengan India melalui 'Timur Dekat' (kawasan Teluk Parsi dan Arabia). Bagi mencapai matlamat tersebut, Sultan Selim telah menawan Yaman pada tahun 1571 dan merancang untuk menghantar angkatan perang laut dari Laut Merah ke India seawal-awalnya pada tahun 1519. Namun demikian cita-cita Turki itu tidak mudah dicapai kerana Lautan Hindi sudah dikuasai oleh kapal-kapal dagang dan perang Portugis.

<sup>12</sup> Orang-orang Seljuk dari Turkestan membentuk empayar ini dengan meluaskan hegemoni mereka di sekeliling Anatolia. Raja mereka yang berperanan besar membentuk empayar ini ialah Osmanli (1281–1324). Oleh itulah empayar ini terkenal sebagai empayar Ottoman. Lihat: George William Frederick Stripling, *The Ottoman Turks and the Arabs, 1511–1574*, Philadelphia: Percupine Press, 1977, h. 5–15.

<sup>13</sup> Edward S. Creasy, *History of the Ottoman Turks*. Beirut: Khayats, 1961, h. 5–7 dan 87.

<sup>14</sup> Kerajaan Mamluk sedang mengalami kemerosotan ekonomi dan politik pada awal abad ke-16. Serangan dari Shah Parsi (Ismail), pada tahun 1509 memaksa kerajaan Mamluk meminta bantuan Turki yang juga merupakan musuhnya. Turki dan juga Rome pada mulanya memberi bantuan kepada kerajaan Mamluk, tetapi setelah kerajaan itu tidak dapat kembali berperanan mengembangkan kepentingan perekonomian di Laut Meditteranean dan Laut Merah, serta menyekat kemaraan Portugis, maka Turki bertindak mengambil alih kerajaan.

Beberapa percubaannya untuk menembusi penguasaan Portugis telah gagal.<sup>15</sup> Sementara itu rayuan-rayuan dari pemerintah Calicut dan Gujerat diterima oleh Turki untuk menguasai atau mengembalikan Lautan Hindi kepada penguasaan orang-orang Islam. Hanya pada dekad keempat abad ke-16 barulah usaha yang bersungguh-sungguh dirancangkan. Suleiman Pasha, gabenor Turki di Mesir ditugaskan memimpin ekspedisi penguasaan itu. Ekspedisi itu juga gagal kerana Portugis sudah bersedia mempertahankan kedudukan terkuat mereka di Diu.<sup>16</sup> Kekalahan itu bukan sahaja disebabkan oleh faktor kekurangan pengalaman peperangan di laut tetapi juga oleh faktor kesangsian keadilan Turki di kalangan orang India memandangkan sikap ganas mereka ke atas Yaman. Justeru itu orang India banyak memberi sokongan moral kepada pertahanan Portugis di India amnya.

Inisiatif Turki untuk menguasai Lautan Hindi secara ketenteraan tidak pernah menjadi kenyataan. Antara sebab-sebab yang boleh diberikan sebagai punca kegagalan itu ialah; pertama-tamanya soal ancaman kuasa-kuasa Barat yang perlu dihadapi oleh Turki di kawasan persaingan tradisional mereka (iaitu di Laut Mediterranean dan Lautan Hitam).<sup>17</sup> Keduanya, pada tempoh yang sama ancaman bentuk baru yang datang dari utaranya semakin menekan. Ahli-ahli pelayaran Inggeris yang cuba mengwujudkan jalan dagang baru di Asia tanpa perlu melalui kawasan empayar Ottoman merupakan ancaman baru itu. Pada tahun 1553 para peneroka Inggeris itu sampai ke Moscow dan berikutnya terbentuklah 'Muscovy Company' (1555).<sup>18</sup> Tujuan utama syarikat pedagang-pedagang Inggeris ini selain dari memperolehi hak menangkap ikan di Lautan Artik, ialah untuk menjalankan perdagangan dengan Rusia melalui jalan utara. Apa yang lebih membimbangkan Turki ialah kehadiran wakil-wakil 'Muscovy Company' terutamanya misi Anthony Jenkinson di Iran melalui Rusia pada awal tahun-tahun 1560-an dan berjaya mengikat perjanjian perdagangan dengan kerajaan Safavid di situ. Sebelum ini sutera yang dihasilkan oleh kawasan-kawasan di selatan Lautan Kaspian yang dikuasai oleh kerajaan Safavid (Iran) telah dieksport ke Eropah melalui kawasan empayar Ottoman. Bukan sahaja pengeksportan sutera itu menjadi hasil lumayan kepada empayar

<sup>15</sup> A.H. Lybyer, "The Ottoman Turks and the Routes of the Oriental Trade," *English Historical Review*, vol. XXX, 1915, h. 577-88.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> G.W.F. Stripling, *The Ottoman Turks*, h. 10-15.

<sup>18</sup> I. Metin Kunt, "The Ottoman Empire in Asian History."

Ottoman, tetapi ia juga menjadi alat utama untuk memaksa kerajaan Safavid tunduk kepadanya jika wujud perbalahan antara keduanya.

Di samping ancaman perdagangan ini, terdapat pula ancaman tentera Rusia yang semakin mara ke selatan iaitu ke Lautan Kaspien melalui sungai Volga dengan penaklukan ke atas kawasan Kazan dan Astrakhan yang dikuasai oleh orang-orang Tartar Volga. Kedua bentuk ancaman yang muncul di utara itu cuba di atasi oleh Turki dengan menghantar bala tenteranya untuk menguasai dan mengawal kawasan-kawasan yang berada di sekitar sungai-sungai Volga dan Don hingga ke kawasan Ukraine. Akan tetapi usaha Turki itu gagal mencapai matlamatnya sehingga mengurangkan kekuatan tentera, politik dan ekonominya sendiri. Kegagalan itu juga menjadi satu daripada sebab mengapa pihak Turki tidak dapat bersungguh-sungguh bertindak di Lautan Hindi. Satu lagi sebab yang menyekat kemampuan operasi di Lautan Hindi ialah kesukaran membawa kekuatan tentera lautnya dari Laut Mediterranean ke situ kerana Terusan Suez belum wujud. Oleh kerana kesukaran itulah maka empayar Ottoman pernah juga memikirkan untuk membina Terusan Suez pada tahun-tahun 1560-an tetapi cita-cita itu tidak menjadi kenyataan.<sup>19</sup>

Kesukaran-kesukaran itulah menyebabkan sedikit sahaja kejayaan yang telah diperolehi oleh Turki dalam persaingan kegiatan perdagangan di Lautan Hindi. Kejayaan adalah hasil insiatif kerajaan-kerajaan Islam lainnya termasuklah kerajaan-kerajaan Islam di alam Melayu. Berdasarkan kepada hal ini maka dapatlah dikatakan bahawa hubungan Turki dan alam Melayu adalah melalui kegiatan perdagangan dan sering pula melalui perantaraan para pedagang India atau Arab dan Parsi. Hubungan terus menerus perdagangan Turki dan alam Melayu tidak banyak dan berkekalan kerana Aceh sahaja yang berkeupayaan berbuat demikian. Oleh itu hubungan Aceh dan Turki baik dari segi politik (diplomatik dan ketenteraan) mahupun perdagangan sangat bergantung kepada masa kekuatan yang terjelma di Aceh dan juga Turki.

Walau bagaimanapun sejarah hubungan awal antara kedua kawasan hanya terdapat dalam penulisan-penulisan di Aceh terutamanya kitab *Bustanu's Salatin* karangan Nurud-din ar-Raniri pada tahun 1638. Di dalam kitab itu tersebut hubungan Turki

---

<sup>19</sup>C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions," h. 415–428.

dengan Sultan Alau'din-Din Ri'ayat Shah al-Kahar (1537-1571), Sultan Aceh, berbunyi;<sup>20</sup>

Ialah yang meng'adatkan segala istia'dat kerajaan Atjeh Daru's-Salam dan menyuruh utusan kepada Sultan Rum, ke negeri Istanbul, kerana menegohkan ugama Islam, maka dikirim Sultan Rum daripada jenis utus dan pandai yang tahu menuang bedil. Maka pada zaman itulah dituang orang meriam yang besar<sup>21</sup>. Dan ia-lah yang pertama-tama berbuat kota di negeri Atjeh Daru's-Salam, dan ia-lah yang pertama-tama ghazi dengan segala kafir, hingga sendirinya berangkat menyerang Melaka.

Salah sebuah meriam yang sangat terkenal ia-lah *meriam lada sachupak* kerana ia mempunyai cerita yang menarik.<sup>22</sup> Cerita tentang meriam ini juga dicatatkan oleh Snouck Hurgronje (1891) dan oleh Saffet (1911) dari cerita-cerita lisan. Tersebut dalam catatan mereka tentang wujudnya sebuah perkampungan orang Turki di Aceh bernama Bitay.<sup>23</sup> Penduduk kampung itu dikatakan dari keturunan para tukang Syria yang dihantar oleh Sultan Rum. Tersebut juga di dalam catatan Snouck Hurgronje tentang dasar Sultan Rum mengecualikan Aceh dari mengutus ufti kepadanya. Sebagai ganti pengiriman tanda hormat itu Aceh hendaklah merayakan hari kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.), iaitu sambutan Maulud. Manakala dalam catatan Saffet terdapat keterangan tentang pengiriman khutbah setiap Jumaat oleh Khalifah Turki yang dibacakan di masjid besar Aceh.<sup>24</sup>

Dalam masa dan keadaan yang tertentu keakraban hubungan itu ditonjolkan bagi mendapat kesan kepada sesuatu tujuan. Misalnya, apabila Aceh memohon pertolongan Turki pada tahun-tahun 1870-an bagi menghadapi pencerobohan Belanda, kerajaan Turki mengingatkan kerajaan Belanda dan kuasa-kuasa lain bahawa hubungan Turki dan Aceh berjalan sejak pemerintahan Sultan Selim (Turki, 1512-1520) lagi. Kenyataan ini tidaklah dapat diterima kerana Aceh belum lagi wujud pada tarikh itu.<sup>25</sup> Tujuan

<sup>20</sup> Anthony J.S. Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence in Western Indonesia", h. 3, memetik dari T. Iskandar, ed., *Bustanu's Salatin, bab II, fasil 13*, Kuala Lumpur, 1966, h. 31-2.

<sup>21</sup> Lihat Mohammad Said, *Atjeh Sepanjang Abad*, Medan, 1961, h. 101; dan Anthony J.S. Reid, *The Contest for North Sumatra*, h. 3.

<sup>22</sup> A.J.S. Reid, *The Contest for North Sumatra*, h. 3.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Menurut Anthony Reid, walaupun pihak Turki pada tahun 1874, menganggap pengiktirafannya ke atas Aceh sebagai negeri naungan dimulakan pada masa pemerintahan Sultan Selim (1512-1520), tetapi kemungkinan besar pengiktirafan itu dilakukan pada tahun 1563 dengan kehadiran per-

dikaitkan Sultan Selim dengan Aceh ialah kerana pada zaman Sultan Selim, Turki adalah kuasa yang sangat agung. Di sebaliknya pihak Aceh sering mengaitkan segala hubungan rapat itu berlaku pada zaman Sultan Iskandar Muda (Djohan Alam, awal abad ke-17) kerana mahu mengagungkan Sultan itu.<sup>25</sup> Begitu juga dengan cerita perutusan Hang Tuah yang melawat Rum, adalah untuk meningkatkan ketokohan legenda itu dan juga keagungan kesultanan Melaka.<sup>26</sup> Umumnya cerita-cerita itu memberi gambaran tentang permulaan perhubungan itu diwujudkan, tetapi setakat ini kronologi yang disebutkan dalam *Bustanu's-Salatin* lebih diakui ketepatannya. Catatan-catatan di dalam kitab itu dapat disokong oleh sumber Portugis dan Turki. C.R. Boxer telah secara bersistem menggambarkan kepentingan Turki dalam pertumbuhan kerajaan-kerajaan Melayu di abad ke-16 melalui kajian beliau terhadap aktiviti Portugis di rantau ini.<sup>27</sup>

Aceh mula muncul sebagai sebuah kuasa besar tempatan selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis. Pada masa Sultan Ali Mughayat Syah (1516–1530) memerintah Aceh baginda berjaya menakluki Daja (1520), Pidie dan Pasai (1521 dan 1524).<sup>28</sup> Kejayaan itu telah berjaya melemahkan kekuasaan di rantau ini dan menjadikan kawasan Sumatra terselamat dari ancaman kuasa-kuasa Barat untuk beberapa kurun kemudiannya. Namun demikian Aceh belum dapat betul-betul wujud sebagai sebuah kerajaan yang kuat kerana pengganti Sultan Ali Mughayat Syah, iaitu Sultan Salah-ad-din (1530-37?) adalah seorang yang lemah. Sehingga Sultan yang lemah ini digulingkan oleh saudara tuanya pada

---

wakilan kerajaan Aceh di Turki seperti tercatat dalam arkib empayar Ottoman. Lihat A. Reid, "Nineteenth Century Pan-Islam," h. 268n; dan P. Voorhoeve, "Atjeh," *Encyclopedia of Islam*, edisi baru, Leiden-London, 1960, vol. 1, h. 743.

<sup>25</sup> A.J.S. Reid, *The Contest for North Sumatra*, h. 4–5.

<sup>26</sup> Lihat tulisan J. Kathirithamby-Wells, "Ahmad Shah Ibn Iskandar and the Late 17th century 'Holy War' in Indonesia," *JMBRAS*, 43(1), 1970, h. 44–45.

<sup>27</sup> C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions," h. 422–424.

<sup>28</sup> M.A.P. Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague, 1962, h. 145; dan lihat juga Anthony J.S. Reid, "Trade and State Power in the Sixteenth and Seventeenth Centuries Southeast Asia" dalam Proceedings of 7th IAHA Conference. Bangkok, 1979, h. 391–419.

1537 (atau selewat-lewatnya pada 1539) barulah Aceh berkuasa meluaskan pengaruhnya.<sup>29</sup>

Kemunculan Aceh berlaku lebih kurang sama waktunya dengan kebangkitan semula perdagangan orang-orang Islam di Lautan India setelah dilumpuhkan oleh tindakan Portugis pada dua dekad pertama abad ke-16. Aceh dicatatkan telah melayarkan muatan pertama rempah ke Laut Merah pada 1530-an. Pengiriman ini besar kemungkinannya berpengkalan di Pasai kerana Banda Aceh sendiri belum berpotensi berbuat demikian.<sup>30</sup>

Peningkatan perdagangan Aceh berkembang sezaman dengan kegiatan perluasan kawasannya terutama ke kawasan orang Batak yang menjadi seteru ketat Aceh untuk sekian lama. Aceh berjaya mengatasi ancaman orang Batak yang mendapat sokongan Portugis di Melaka setelah menerima bantuan 300 orang tentera Turki.<sup>31</sup> Bantuan Turki itu mungkin bersamaan dengan gerakan panglima Turki, Sulaiman Pasha yang cuba menguasai Lautan Hindi dan pusat-pusat perdagangan di Timur setelah dibolot oleh Portugis selama dua dekad (1500–1520). Sekiranya Sulaiman Pasha mempunyai peranan dalam bantuan kepada Aceh itu, maka hal ini boleh dilihat sebagai satu gerakan yang menyeluruh dalam menentang Portugis kerana Aceh telah menyerang Portugis di Melaka pada tahun 1537.<sup>32</sup> Bagi pihak Portugis mereka juga berusaha menguasai jalan dagang Lautan India yang dapat memberi peluang kepada Aceh dan Turki berhubung dari segi politik yang dipimpin oleh Diogo da Silveira berjaya menyekat sebilangan kapal-kapal yang datang dari Gujerat dan Aceh di pinggir Selat *Bab-el-mandib* yang terletak di muka Laut Merah.<sup>33</sup>

Tentangan yang hebat dari Portugis juga telah menyebabkan gagalnya ekspedisi Sulaiman Pasha dan juga usahanya di sebelah Timur sehingga menyebabkan Sultan Sulaiman, Turki, menumpukan perhatian ke sebelah Barat. Dari tahun 1540 hingga tahun 1560-an hubungan politik kedua negara telah terputus. Hubungan perdagangan walau bagaimanapun berterusan dan

<sup>29</sup> Anthony J.S. Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence," h. 401; dan lihat juga Kenneth R. Hall, "Trade and Statecraft in the Western Archipelago at the dawn of the European age," dalam *JMBRAS*, LIV(I) 1981, h. 21–48.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions," h. 416.

menjadi penting bukan sahaja para pedagang dari Asia Barat membantu Aceh dari segi tenaga manusia dan peralatan untuk memerangi musuh Islam, tetapi ia juga penting dalam menghidupkan semula hubungan politik kedua negara kemudiannya. Malahan pada tahun 1546 terdapat rungutan dari Raja Portugis, Dom Joao III, kepada Gabenor Portugis di Goa tentang laporan-laporan yang menunjukkan bahawa perdagangan rempah di Laut Merah telah aktif semula.<sup>34</sup>

Hubungan politik kedua negara yang erat semula pada tahun-tahun 1560-an dapat dilihat dalam sumber-sumber Portugis, Turki dan Venetia. C.R. Boxer yang memetik dari sumber Portugis menulis peristiwa perlawanan sengit antara angkatan Portugis dengan orang Islam yang berlaku pada bulan Mac atau April 1561 berdekatan pantai selatan Semenanjung Arab. Dua kapal perang Portugis memintas sebuah kapal perang besar yang mempunyai 50 buah meriam. Kapal ini setanding dari segi saiz dan rupa dengan kapal perang besar Portugis (*Naos*, atau *carracks*). Ianya belayar dari Aceh dan dikendalikan oleh 500 orang pahlawan yang terdiri dari orang Turki, Abyssinia dan Aceh. Dalam perangan tersebut dua buah kapal perang Portugis telah dimusnahkan. Korban yang dialami oleh kedua pihak sangat besar. Kesungguhan kedua-dua pihak berjuang dapat disandarkan kepada beberapa sebab. Bagi pihak Portugis, mereka percaya bahawa kapal ini dikatakan mempunyai muatan yang bernilai lebih sejuta (wang?) emas kerana muatan itu terdiri antaranya 200,000 *cruzados* dalam nilai emas dan intan permata yang hendak diserahkan kepada Sultan Turki.<sup>35</sup> Pihak Portugis juga bersungguh-sungguh mahu menghapuskan kapal itu kerana ia merupakan satu cabaran besar kepada monopoli perdagangan dan perjuangan agama mereka. Manakala orang Islam pula bermati-matian berjuang kerana selain dari faktor agama dan perdagangan, serta barang bernilai yang mereka bawa, tentulah kerana kapal yang mereka naiki itu dianggap oleh mereka sebagai kapal yang agung yang menjadi tunggak kepada menghidupkan semula monopoli perdagangan orang-orang Islam dan juga perhubungan Turki dengan dunia sebelah Timur.

Usaha pihak Aceh untuk menyambung dan meningkatkan hubungan politik dan perdagangan dengan Turki nampaknya dilaku-

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 416 dan 7.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 418

kan dengan penuh keazaman sepanjang tahun-tahun 1560-an.<sup>36</sup> Pihak Portugis sangat bimbang dengan usaha-usaha itu terutamanya laporan-laporan dari perisik mereka menunjukkan bahawa beberapa perutusan Aceh berjaya sampai ke Turki. Sementara itu sumber Turki mengandungi keterangan yang lebih penting dan khusus. Antaranya termasuklah beberapa surat dari Sultan II (Turki) bertarikh 1567-8 merakamkan satu rancangan ekspedisi ke Sumatera yang akan membekalkan Aceh dengan tentera, alat peperangan dan lain-lain lagi. Laksamana Turki di Suez, Kurtoglu Hizir Reis diarahkan supaya mengepalai ekspedisi itu. Rancangan ini disampaikan ke Aceh oleh wakil Turki bernama Mustaffa Camus.<sup>37</sup> Pada mulanya terdapat 19 buah kapal menurut tulisan C.R. Boxer (17 buah menurut tulisan Anthony J.S. Reid) yang dikerahkan ke dalam ekspedisi itu tetapi rancangan itu terpaksa ditangguhkan.<sup>38</sup> Sebaliknya armada yang dikepalai oleh Kurtoglu Hizir Reis diperintahkan belayar ke Yaman untuk menghapuskan penentangan yang timbul di sana. Oleh kerana tugas di Yaman hanya dapat diselesaikan pada tahun 1571 maka tidaklah dapat armada itu sepenuhnya belayar ke Aceh.<sup>39</sup> Dari pertengahan tahun 1568 hingga tahun 1571 tidak terdapat catatan Turki tentang perkembangan selanjutnya usaha bantuan Turki kepada Aceh. Sumber Aceh dan Portugis sahaja yang telah memberi gambaran bahawa ada kemungkinan sedikit sebanyak bantuan dari Turki telah diperolehi oleh Aceh. D.G.E. Hall ada menulis tentang harapan Sultan Alauddin Riayat Shah (1568) Aceh kepada bantuan sekutu-sekutunya seperti Sultan Turki, Aurenzeb dan raja-raja di India Barat iaitu di Pantai Koromandel, Benggala dan Sri Lanka bagi persiapan menentang Portugis khususnya dan musuh Islam lain amnya.<sup>40</sup> Malah kerajaan Aceh juga

<sup>36</sup> Misalnya pada bulan Mac 1565, sebuah kapal dagang Portugis, 'Sao Sebastias' bertembung dengan sebuah kapal yang datangnya dari Aceh membawa lebih dari 400 orang berkulit putih, iaitu dari Turki dan kerajaan-kerajaan lain, dan mempunyai banyak meriam yang baik. Malahan enam bulan sebelum itu terdapat lapuran dari perisik Portugis yang menyebutkan tentang kehadiran utusan dari Aceh di Constantinople yang membawa hadiah untuk mengagihkan pemberian senjata dan tukang senjata. Lihat C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions," h. 418-421.

<sup>37</sup> Anthony J.S. Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence," h. 404.

<sup>38</sup> *Ibid.* dan C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions", h. 420-1.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara* (terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, h. 260-1.

cuba menguasai dunia Melayu bagi membentuk satu persatuan negeri-negeri untuk menentang Portugis.<sup>41</sup>

Berdasarkan kepada kesungguhan pihak Aceh itu maka bantuan Turki khususnya adalah satu hal yang sangat-sangat diharapkan. Setakat ini C.R. Boxer yang mengkaji berdasarkan sumber Portugis mencatatkan bahawa bantuan Turki ada diterima oleh Aceh tetapi dalam jumlah yang jauh dari memadai. Bantuan itu merupakan dua buah dari armada 19 buah kapal yang dipimpin oleh Kurtoglu Hizir Reis yang dilepaskan belayar ke Aceh. Dua buah kapal ini dikatakan membawa 500 orang Turki, termasuk tukang senjata, penembak meriam dan jurutera serta sebilangan meriam berat/besar yang diperbuat dari tembaga dan peralatan perang yang lainnya telah berjaya sampai ke Aceh sama ada pada tahun 1566 atau 1567.<sup>42</sup> Sekiranya apa yang dicatatkan oleh C.R. Boxer itu benar maka tentulah kedua kapal dan segala isinya itu sahaja yang telah turut membantu Aceh dalam penyerangannya ke atas Portugis di Melaka dari 20 Januari hingga 25 Februari 1568.<sup>43</sup> Boleh dikatakan tidak ada bantuan tambahan yang lain yang diterima oleh Aceh dari Turki sebelum Februari 1568 kerana terdapat sepucuk surat daripada Sultan Turki, Selim II bertarikh 5 Januari 1568 kepada ketua utusan Aceh iaitu Husain, yang mengatakan bahawa ekspedisi bantuan Turki kepada Aceh terpaksa ditangguhkan dan sekiranya diizinkan Allah tahun hadapan sahaja ekspedisi itu dapat diteruskan.<sup>44</sup>

Kegagalan rancangan ekspedisi Turki ke Sumatera menyebabkan Aceh mengalami kekalahan peperangan dengan Portugis di Melaka. Kekalahan itu membawa kelemahan kepada politik Aceh dan kesegaran semula penguasaan Portugis di Lautan Hindi. Keadaan itu menyebabkan hubungan Aceh dengan Turki merosot kembali. Kemerosotan itu diburukkan lagi selepas tahun 1580 berikutan kelemahan yang dialami oleh empayar Ottoman/Turki dengan kematian Sultan Suleiman 'yang agung' (1566) dan wazir Sokolli (1578). Kekuatan armada Turki di Lautan Hindi juga pupus apabila perjuangan secara persendirian oleh panglima Ali Beg yang bermula sejak tahun 1580 ditamatkan oleh Portugis pada tahun 1589.<sup>45</sup> Kemerosotan yang dialami oleh Turki menyebab-

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 413.

<sup>42</sup> C.R. Boxer, "A Note on Portuguese Reactions," h. 420–1.

<sup>43</sup> Anthony J.S. Reid, "Sixteenth Century," h. 405.

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 404.

<sup>45</sup> Anthony J.S. Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", h. 409–410.

kan keupayaannya untuk memperjuangkan kepentingan kerajaan-kerajaan Islam khususnya dalam soal ketenteraan dan perdagangan tidak dapat diteruskan.

Seperti nasib Turki, Aceh juga kehilangan Sultan yang berkarib dengan kematian Sultan Ali Ri'ayat Syah pada bulan Jun tahun 1578. Para pengantinya tidak berupaya meneruskan hubungan dengan Turki seperti sebelumnya, malah hubungan yang dapat dijalankan seketika dengan Johor dan beberapa sekutu lainnya telah terputus atau tidak padu lagi. Di samping itu hubungan perdagangan Aceh dengan India juga semakin berkurangan apabila Portugis berjaya mengadakan hubungan baik dengan pelabuhan-pelabuhan India terutamanya Gujerat. Malahan pihak Portugis khususnya para pedagang persendirian, mereka dari masa ke semasa mencuba nasib mereka untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan Aceh. Mengikut catatan seorang Portugis yang bernama de Couto, terdapat laporan bertarikh 1529 yang menyebutkan tentang percubaan lebih dari 80 saudagar bebas (persendirian) Portugis yang belayar ke Aceh dengan barang dagangan mereka.<sup>46</sup> Percubaan ini dilakukan kerana Sultan Aceh menawarkan perdamaian kepada pihak Portugis. Namun demikian percubaan para saudagar itu tidak berhasil kerana rundingan perdamaian mengalami kegagalan. Atas usaha yang tidak putus asa, lama kelamaan terdapat juga para saudagar itu yang berjaya berdagang dengan Aceh. Ketibaan para pedagang Inggeris dan Belanda ke rantau ini tidak lama kemudiannya telah memaksa Portugis mengikat tali persahabatan dengan Aceh. Kehadiran Inggeris dan Belanda bukan sahaja menjadi saingan perdagangan dan penguasaan kawasan, malahan kedua kuasa tersebut bertindak bijak dengan tidak memusuhi Turki dan ini menarik Aceh menerima mereka dan meneruskan penentangan terhadap Portugis. Oleh itu beberapa utusan perwakilan dihantar ke Aceh terutamanya di bawah para saudagar Portugis yang sudah mempunyai hubungan perdagangan dengan Aceh. Pada satu masa perwakilan yang demikian berjaya memenangi kepercayaan pihak Aceh untuk bertindak kasar ke atas dua buah kapal Belanda dari angkatan De Houtman yang sedang mengisi barang di pelabuhan Aceh. Walau bagaimanapun perhubungan antara pihak Aceh dan Portugis tidak kekal lama. Menurut satu catatan, walaupun terdapat saudagar-saudagar bebas Portugis yang berdagang dengan Aceh, tetapi bilangan mereka tidak ramai kerana mereka selalunya tidak men-

<sup>46</sup> M.A.P. Meilink Roelofsz, *Asian Trade and European Influence*, h. 145.

dapat restu dari Sultan Aceh yang juga tidak memberi peluang kepada mereka mengadapnya.<sup>47</sup>

Walau bagaimanapun kemerosotan hubungan Turki-Aceh dan kelemahan yang dialami oleh Turki telah membuka peluang baru dalam hubungan Aceh dengan kerajaan-kerajaan Islam yang lain. Semenjak tahun 1570-an dengan kehadiran tokoh-tokoh agama dari Mesir, Hejaz, Yaman dan Gujerat, Aceh telah menjadi pusat Islam di alam Melayu.

Hubungan Turki dengan alam Melayu yang bermula dari awal dan sepanjang abad ke-16 lebih tertumpu ke Aceh. Sungguhpun demikian ia sangat penting daripada beberapa segi seperti membantu mengwujudkan kerjasama antara kerajaan-kerajaan Islam di Asia Tenggara, meningkat dan meluas inspirasi keagamaan (Islam) terutamanya dalam menentang kemaraan musuh Islam (Portugis dan Sepanyol yang beragama Kristian dan orang bukan Islam tempatan), melanjutkan keupayaan perdagangan orang Islam walaupun dibentras oleh Portugis dan Sepanyol pada abad itu; dan memberikan pengetahuan mengenai peralatan peperangan kepada orang Aceh khasnya, dan orang Melayu amnya.